

Faktor-Faktor Dominasi Politik Melayu di Selangor Tahun 2008 Hingga 2018

Factors of Malay Political Domination in Selangor from 2008 To 2018

Muhamad Atlizan Bin Darlis,¹ Awang Azman Bin Awang Pawi,² & Mohammad Tawfik Bin Yaakub³

¹ Jabatan Sosiobudaya, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603, Malaysia, atlizan85@gmail.com, 0193348512.

² Jabatan Sosiobudaya, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603, Malaysia, awangazman@um.edu.my, 0146849531.

³ Jabatan Sains Politik, Pentadbiran Awam dan Kajian Pembangunan, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Universiti Malaya, 50603, Malaysia tawfik@um.edu.my, 0124115691.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada dominasi politik Melayu khususnya parti politik Melayu di negeri Selangor dari tahun 2008 hingga 2018. Pilihan raya umum ke-12 pada 8 Mac 2008 menjadi pilihan raya paling bersejarah dalam proses politik di Malaysia. Pilihan raya umum tersebut memaparkan parti pemerintah yang merupakan parti status quo dalam setiap pilihan raya umum negara, Barisan Nasional (BN) tewas kepada pakatan parti pembangkang (PAS, DAP dan PKR) yang kemudiannya dikenali sebagai Pakatan Rakyat (PR). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengambil sampel responden dari kalangan ahli politik, penyelidik, aktivis dan ahli masyarakat terpilih di Negeri Selangor. Data dianalisis melalui kaedah tematik dan didapati terdapat beberapa faktor yang memberi sumbangan kepada dominasi parti politik Melayu, termasuk demografi, budaya, struktur parti politik dan strategi politik. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran yang lebih jelas tentang faktor-faktor yang mempengaruhi politik di Negeri Selangor dan dapat memberikan panduan kepada para pemimpin politik dalam strategi dan tindakan masa depan. Hasil kajian ini menyimpulkan politik melayu didominasi dari pelbagai faktor dan keterlibatan pelbagai pihak.

Kata kunci : Dominasi, Selangor, Politik Melayu, Pilihan Raya Umum, Kepimpinan

ABSTRACT

This study aims to identify the factors that contribute to the domination of Malay politics, especially Malay political parties in the state of Selangor from 2008 to 2018. The 12th general election on March 8, 2008, was the most historic election in Malaysia's political process. The ruling party, Barisan Nasional (BN), which had won every national election before, lost to the opposition coalition of PAS, DAP, and PKR, which later became known as Pakatan Rakyat (PR). This study used a qualitative method by sampling respondents from among selected political experts, researchers, activists, and community members in Selangor. Data were analysed thematically, and several factors were found to contribute to the

domination of Malay political parties, including demographics, culture, party structure, and political strategy. The findings of this study are expected to provide a clearer picture of the factors influencing politics in Selangor and guide political leaders in future strategies and actions. The study concludes that Malay politics is dominated by various factors and the involvement of various parties.

Keywords : Domination, Selangor, Malay Politics, Malaysian General Election, Leadership

Received: February 24, 2023

Accepted: April 17, 2023

Online Published: May 30, 2023

1. Pengenalan

Dominasi politik Melayu telah menjadi perbincangan penting dalam peta politik Malaysia sejak merdeka pada tahun 1957 dalam kalangan sarjana politik. Hal ini dapat dilihat dalam sistem politik dan pemerintahan Malaysia, di mana kekuasaan politik di dominasi oleh orang Melayu. Ini tidak terkecuali bagi negeri Selangor, Namun, sejak tahun 2008 hingga 2018, terdapat perubahan yang ketara dalam dominasi politik Melayu di Selangor yang menarik untuk dikaji.

Menurut Michel Foucault (1982), dominasi politik adalah suatu keadaan di mana kekuasaan dalam suatu negara atau wilayah dikuasai oleh satu kumpulan atau individu yang memiliki pengaruh yang kuat terhadap masyarakat dan institusi politik. Dominasi terdiri daripada beberapa jenis dominasi iaitu dominasi ideologi, ekonomi, budaya, atau ketenteraan. Dalam konteks kajian ini, kekuasaan atau politik tidak hanya diukur dari kemampuan individu atau kumpulan untuk mempengaruhi polisi atau dasar pemerintahan, tetapi juga termasuk kemampuan untuk membataskan akses individu atau kelompok manusia pada sumber dan informasi yang penting demi mencapai tujuan politik. Dominasi politik juga dapat menyebabkan kesan positif atau negatif bergantung pada kepentingan yang dibawa oleh kelompok atau individu yang mendominasi. Di satu sisi, dominasi politik boleh membawa kestabilan dan kesejahteraan, serta mendukung perubahan sosial yang positif. Di satu sisi yang lain, dominasi politik boleh mengakibatkan ketidakadilan, penindasan, dan salah guna kuasa. Ini dapat dilihat dalam konteks Malaysia khususnya di Selangor (Weber, 1964). Penyalahgunaan kuasa oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) seperti rasuah berlaku seperti yang berlaku sewaktu pemerintahan mantan Menteri Besar Selangor iaitu Mohamad Khir Toyo.

Selangor merupakan negeri yang maju dan pesat dalam pelbagai aspek seperti kaum, sosial, ekonomi dan politik berbanding negeri yang lain. Negeri ini mempunyai pelbagai kelebihan yang dapat menjadikan Selangor sebagai salah satu pusat tumpuan penting di Malaysia. Sebagai negeri yang memiliki perkembangan pesat, Selangor telah menjadi salah satu pusat ekonomi dan politik penting di Malaysia. Selangor mempunyai penduduk yang berbilang kaum seperti Melayu, Cina, India, dan etnik lain. Antara tahun 2008 hingga 2018, Selangor mengalami beberapa perubahan dalam aspek demografi dan kepelbagaian kaum. Menurut hasil laporan bancian yang dijalankan dibawah Jabatan Perangkaan Malaysia (2021), penduduk Selangor pada tahun 2008 dianggarkan sebanyak 4.6 juta orang, dengan majoriti penduduk adalah Melayu. Pada masa yang sama, kaum Cina dan India juga membentuk

sebahagian besar daripada penduduk Selangor. Kaum Melayu merupakan majoriti di Selangor dengan peratusan sebanyak 51.5%, diikuti oleh Cina (27.7%), India (14.2%) dan etnik lain (6.6%). Secara terperinci anggaran penduduk negeri Selangor pada tahun 2008 ialah seramai 4,613.9 ribu orang, iaitu 2,288,000 orang lelaki dan 2,209,000 orang perempuan. Bilangan penduduk mengikut umur iaitu bagi lingkungan umur 0 hingga 14 tahun ialah 1,381,700 orang, umur 15 hingga 64 tahun ialah 2,987,100 orang dan yang berumur 65 dan ke atas ialah 129,200 orang. Terdapat 87.9 peratus orang penduduk di Selangor tinggal di kawasan bandar manakala 12.1 peratus tinggal di kawasan luar bandar. Pendapatan purata isi rumah bulanan bagi rakyat Selangor ialah RM 2,518.90. Keadaan ini menunjukkan Selangor sebagai negeri yang multikultural dan pelbagai kaum.

Dari segi sosial, Selangor merupakan negeri yang mempunyai penduduk yang ramai dan kepadatan penduduk yang tinggi. Menurut hasil laporan yang sama oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2021), Selangor mempunyai penduduk yang ramai dan kepadatan penduduk yang tinggi. Keadaan ini disebabkan oleh kepelbagaian sektor ekonomi seperti perdagangan, perindustrian dan pembangunan hartanah. Selain itu, Selangor juga merupakan salah satu negeri yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dengan mempunyai Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang tertinggi di Malaysia. Selangor juga merupakan pusat penting bagi pelaburan asing dan telah menarik banyak syarikat multinasional untuk menubuhkan pejabat dan kilang di negeri ini (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021).

Kadar penyertaan tenaga buruh di Selangor ialah 67.1 peratus. Kadar pengangguran di Selangor ialah 4.3 peratus. Bagi taburan guna tenaga mengikut sektor pula, 64,432 orang terlibat dengan kegiatan pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan; 3,175 orang terlibat dengan perlombongan dan kuari, 426,334 orang terlibat dengan perkilangan; 119,213 orang terlibat dengan sektor pembinaan; 13,690 orang terlibat dengan sektor elektrik, gas dan air; 134,320 orang terlibat dengan sektor pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan; 283,638 orang terlibat dengan perdagangan borong, runcit, restoran dan hotel; 483,343 orang terlibat dengan sektor perkhidmatan kewangan insurans, harta benda dan perniagaan, 252,777 orang terlibat dengan perkhidmatan kerajaan dan 64,697 orang terlibat dengan sektor lain (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Per Kapita bagi negeri Selangor pada tahun 2008 ialah RM 11,399.8 (Unit Perancang Ekonomi Selangor, 2008).

Titik penting sejarah politik negeri Selangor dapat dilihat melalui pencapaian Perikatan telah memenangi pilihan raya kali pertama bagi peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor pada 20 Mei 1959. Perikatan yang kemudiannya dikenali sebagai Barisan Nasional yang diterajui oleh Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) membentuk kerajaan telah mentadbir Negeri Selangor sehinggalah tumbang kerana gagal memperoleh majoriti 2/3 untuk membentuk kerajaan dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke-12 iaitu pada tahun 2008. "Tsunami Politik" di negeri Selangor amat jelas dikesan pada PRU-12 apabila pengundi Melayu dan bukan Melayu menolak parti pemerintah BN. Hal ini berterusan berlaku pada PRU-13 apabila pola pengundian orang Melayu dan bukan Melayu cenderung kepada Pakatan Rakyat (PR), pemerintah negeri Selangor sejak PRU-12.

Junaidi Awang Besar et al. (2015) menyatakan bahawa pada kedua-dua PRU tersebut, perubahan mendadak pola pengundian yang memihak kepada PR digelar “Tsunami Politik Cina” atau “Tsunami Politik Bandar”. Sokongan kepada PR, khususnya kepada Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan Parti Islam SeMalaysia (PAS) tidak lagi terbatas masing-masing kepada orang Cina dan orang Melayu. Orang Melayu juga mula mengundi parti DAP. Begitu juga sebaliknya, orang Cina mengundi PAS. Ini adalah fenomena yang baharu dalam senario politik di Malaysia, khususnya di negeri Selangor. Dominasi politik Melayu selama ini diterajui UMNO akhirnya telah dilemahkan dengan penubuhan kerjasama PAS dan PKR.

Hasil kajian yang sama oleh Junaidi Awang Besar et al. (2015) menyatakan bahawa kelangsungan politik di negara ini yang berdasarkan etnik khususnya politik Melayu dilihat adalah relevan dari konteks politik permuafakatan di Malaysia. Kajian ini juga turut menambah bahawa pencapaian keperluan etnik masing-masing di negara ini adalah jalan yang signifikan dan paling mudah bagi mencapai matlamat politik khususnya ketika melalui proses politik dan pilihan raya. Pernyataan ini juga telah disokong dalam beberapa kajian yang lainnya seperti kajian Rizal dan Jumaat (2002), iaitu penyelidik ini mendapati bahawa kejayaan dan kelangsungan bagi sesebuah kawasan pilihan raya bukan sahaja bergantung kepada latar belakang etnik calon dan komposisi etnik dalam kawasan pilihan raya, malah turut bergantung kepada isu-isu yang mempunyai perkaitan dengan etnik dan isu setempat yang diperjuangkan oleh parti politik tertentu dalam sesebuah kawasan pilihan raya.

Pada PRU Ke-12 pada 8 Mac 2008, satu peristiwa bersejarah telah dicatatkan dalam perkembangan politik negara khususnya melibatkan kelangsungan politik Melayu apabila BN hilang majoriti 2/3 kerusi di Dewan Rakyat dan kehilangan beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia. Perkembangan politik pada ketika itu dipengaruhi oleh beberapa faktor misalnya pertambahan jumlah pengundi muda iaitu 4,360,000 orang, manakala jumlah pengundi dewasa adalah seramai 6,540,000 orang diperingkat nasional. Peningkatan jumlah golongan pengundi muda ini telah mempengaruhi perubahan landskap politik negara yang dengan wujudnya perilaku efektif dan cenderung terhadap nilai-nilai demokrasi seperti yang dinyatakan dalam kajian Johan Saravanamuttu pada tahun 1989 (Hairol Anuar et al., 2013)

Selain daripada itu, situasi ekonomi negara yang merosot dan keadaan politik negara yang tidak stabil selepas PRU Ke-12 menyebabkan banyak pihak mengemukakan pelbagai idea bagi memperbaiki dan memperkukuhkan kembali hubungan orang Melayu-Islam (Junaidi Awang Besar & Mazlan Ali, 2014). Menerusi agenda politik keamanan dan perdamaian, Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang telah mencadangkan konsep kerajaan perpaduan melibatkan Melayu Islam (Hafiz, 2009). Beliau mencadangkan agar parti-parti kerajaan dan pembangkang membentuk satu kerjasama bagi mentadbir negara tanpa perlu mengorbankan ideologi parti masing-masing. Parti-parti dalam kerajaan perpaduan ini bebas memberikan pendapat dan tidak terikat dengan mana mana parti yang utama. Semua parti akan dilayan sama rata dan diberikan hak yang sama dalam semua perkara. Walaubagaimanapun gagasan ini tidak dapat direalisasikan.

Pada Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-13, Pakatan Rakyat (PR) yang merupakan gabungan parti-parti pembangkang termasuklah PKR, DAP dan PAS telah memberikan saingan sengit kepada BN, namun BN terus mengekalkan kedudukannya sebagai kerajaan Persekutuan. Hal ini merupakan susulan kejayaan hegemoni yang telah digunapakai semenjak

sebelum merdeka (Junaidi Awang Besar et al. 2014). Reiman (1987) menjelaskan dominasi merujuk kepada idealisme politik untuk melakukan penguasaan dan boleh berlaku melalui eksploitasi terhadap agama, ideologi, kebudayaan dan wilayah bertujuan untuk mendapatkan keuntungan secara ekonomi atau kekuasaan. Dominasi ini berlaku melalui unsur hegemoni dalam budaya politik Melayu yang dibuktikan dalam catatan karya sejarah Melayu.

Pada tahun 2013 melalui PRU Ke-13, persaingan politik Melayu dilihat telah sampai ke kemuncaknya di mana politik Melayu telah mengalami persaingan sengit. Keadaan ini berlaku apabila UMNO dan BN telah mengalami kegagalan dalam mempertahankan majoriti dua pertiga di Parlimen dan hilang penguasaan di beberapa buah negeri misalnya di Selangor, Kedah, Perak, dan Pulau Pinang selain masih gagal menawan Kelantan daripada PAS. Kemerosotan prestasi UMNO dan bilangan kerusi PAS yang paling sedikit dalam kalangan parti pembangkang menyebabkan timbulnya kerisauan tersebut, malah keadaan PKR yang dilihat tidak memperjuangkan Melayu-Islam kerana keanggotaannya terbuka kepada semua etnik. Penekanan kepada perjuangan Melayu-Islam akan menyebabkan PKR kehilangan sokongan daripada pengundi etnik-etnik lain. Kebimbangan ini menyebabkan timbulnya cadangan supaya UMNO dan PAS berkerjasama demi kepentingan Melayu dan Islam.

Impaknya, tindakan ini akan melahirkan pemimpin yang berwibawa dan berintegriti seterusnya menghapuskan elemen-elemen salah guna kuasa dalam pemerintahan kerajaan. Namun, idea beliau yang lebih ke hadapan itu tidak sepenuhnya diterima oleh pemimpin dan ahli PAS dalam hal tersebut. Malah mereka yang tidak bersetuju itu menganggap langkah ini akan menyebabkan PAS sekali lagi tertipu. UMNO dinilai akan tetap menguasai PAS seterusnya melemahkan kekuatan PAS. Maka rancangan ini kemudiannya telah ditarik kembali oleh beliau.

Selain itu, PRU Ke-13 juga telah mencatatkan sebagai PRU yang sangat sengit dalam sejarah. PRU 13 telah dinilai sebagai ibu segala pilihan raya di Malaysia (Junaidi Awang Besar, 2017). Hal ini kerana, PR telah mempamerkan prestasi yang cemerlang dihasilkan menerusi gabungan parti-parti pembangkang iaitu PKR, DAP dan PAS. Menurut Junaidi Awang Besar (2017), seterusnya gabungan Pakatan Rakyat ini mendominasi 12 daripada 14 kerusi Parlimen di negeri Selangor sekaligus menyumbang tercetusnya Tsunami Politik Malaysia.

Menurut Shahurinain Jais (2016), Selangor merupakan negeri yang menjadi sasaran utama parti politik seperti Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Rakyat (PR) dalam setiap kali PRU kerana negeri ini merupakan negeri yang termaju dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain. Persaingan parti politik BN dan PR dapat dilihat sejak Selangor jatuh kepada penguasaan PR sekali lagi pada PRU ke-13. Banyak strategi dan kaedah telah digunakan oleh kedua-dua parti ini menjelang PRU ke-13, BN dan PR telah menggunakan pemasaran politik yang berbeza bagi memasarkan produk politik (manifesto) mereka dalam pilihan raya tersebut. Ini dapat dilihat melalui keputusan ke-13. Kemenangan ini secara tidak lansung mengubah pola dan corak dominasi politik Melayu di negeri ini.

Dalam kajian Junaidi Awang Besar et al. (2014), negeri Selangor adalah sebuah negeri yang maju dan masyarakatnya lebih bersifat majmuk. Penduduk negeri ini terdiri daripada pelbagai kaum yang sebahagiannya berasal dari luar Selangor. Ramai juga migran

dari luar negara yang tinggal di negeri ini, dengan tumpuan utama mereka di Lembah Klang. Dengan pelbagai latar belakang etnik, asal-usul dan keturunan, pola sosiobudaya masyarakat di negeri Selangor boleh dikatakan agak rencam. Tahap infrastruktur sosial dan pencapaian teknologi adalah antara yang termaju di Malaysia. Sumber maklumat yang pelbagai sama ada daripada saluran yang rasmi dan konvensional atau saluran alternatif, memudahkan penduduk negeri ini terdedah kepada pelbagai haluan pemikiran politik. Tahap pencapaian sosioekonomi, pambandaran dan pemodenan yang tinggi menyebabkan pemikiran politik pengundi di negeri ini lebih kritikal.

Perbincangan mengenai dominasi Melayu-Islam menjadi lebih rancak selepas PRU ke-12 dikalangan sarjana politik. Kemerosotan pencapaian UMNO dan PAS dalam pilihan raya telah dinilai bahawa kelangsungan dominasi politik Melayu telah longgar khususnya di negeri Selangor. Berdasarkan beberapa kajian lepas mengenai perjuangan politik dan kepentingan hak sosial orang Melayu-Islam telah dibuat sejak sebelum kemerdekaan lagi. Perbincangan ini boleh diteliti menerusi kajian Anwar Abdullah (2004) dan juga Ahmat Adam (2013). Dominasi politik Melayu di negeri Selangor melalui UMNO dan PAS adalah dikatakan berbeza dengan kemenangan parti politik ini di negeri lain yang dimana prestasi mereka di negeri Kelantan, Kedah, Pahang, Perlis dan Terengganu boleh dikatakan agak cemerlang. Hal tersebut terbukti berdasarkan keputusan Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13 yang memihak kepada Pakatan Rakyat melalui PKR dan DAP sehingga dominasi politik Melayu di negeri Selangor menarik untuk dikaji lebih lanjut.

2. Metodologi Kajian

Pendekatan penyelidikan kualitatif dipilih sebagai metodologi kerana pendekatan ini memperkuatkan pemahaman dan tafsiran makna serta niat yang mendasari interaksi manusia. Data dikumpulkan menggunakan kaedah temubual mendalam. Penyelidikan kualitatif merupakan suatu kajian ke atas sesuatu kajian untuk mendapatkan maklumat secara terperinci serta mendalam (Gay et al., 1996). Menurut Junaidi Awang Besar et al. (2014), kaedah kualitatif ini melibatkan pengalaman sebenar selaku tindak balas kepada penterjemahan dan seterusnya kefahaman mengenai kehidupan manusia serta realiti dunia sebenar. Dari segi pengutipan data dan penjaanaan teori, kajian lebih banyak menggunakan kaedah interaksi secara bersemuka.

Dalam kajian ini, seramai lapan (8) orang responden telah dipilih dari kalangan tokoh-tokoh dari parti politik dan badan pentadbiran negeri yang mempunyai pengetahuan penting mengenai bidang politik di Malaysia. Oleh itu, seramai lapan (8) peserta dipilih sebagai peserta kajian atas saranan penyelia kajian, dan semuanya memenuhi kriteria berikut:

- a. Tokoh politik dari UMNO, PAS dan badan Pentadbiran Negeri seperti Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Majlis Agama Islam Negeri Selangor (MAIS).
- b. Mempunyai pengetahuan tangan pertama atau terpakai mengenai dominasi politik di Malaysia.
- c. Dalam lingkungan umur 30 hingga 60 tahun sejak dominasi politik Melayu bermula selepas kemerdekaan.
- d. Berstatus profesional di jawatan kanan parti terpilih iaitu dari Institusi A dan Institusi B.

Senarai informan yang dipilih untuk kajian adalah seperti tersenarai dalam Jadual 1 dibawah:

Jadual 1: Senarai Informan

INFORMAN	JAWATAN
1) Dato' Dr Karim Mansor	Mantan Ahli Dewan Undangan Negeri Tanjung Sepat.
2) Tan Sri Noh Omar	Mantan pengerusi Barisan Nasional Selangor dan ahli parlimen Tanjong Karang.
3) Tuan Hj Mohsinon Tahir	Tokoh veteran PAS Selangor dan mantan persurujhaya PAS Selangor.
4) YB Dato' Dr. Ahmad Yunus Hairi	Ahli Dewan Undangan Negeri Sijangkang dan Pesuruhjaya PAS Selangor
5) YB Nik Nazmi	Ahli Parlimen Setiawangsa
6) YB Rodziah	Ahli Dewan Undangan Negeri Batu Tiga, Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor.
7) Institusi A & B	Pegawai Kanan dari Jabatan Kerajaan Negeri.

Dalam penyelidikan kualitatif bilangan peserta yang tepat tidak dapat ditentukan sebelum kajian dijalankan. Dalam penyelidikan kualitatif jumlah peserta diberitahu sejauh mana persoalan kajian telah ditangani (Ahmad, 2017). Apabila data mencapai titik tepu, iaitu ketika tema baru tidak lagi muncul, penyelidik dapat menyimpulkan bahawa tidak perlu lagi temubual diteruskan. Walau bagaimanapun, jumlah peserta yang ditemu bual dalam kajian ini telah ditentukan berdasarkan cadangan penyelia tesis. Temu bual dilakukan sehingga data mencapai titik tepu yang dapat diterima dan penyelidik menilai bahawa persoalan kajian telah dijawab dengan secukupnya.

Dalam kajian ini juga, informan telah dipilih daripada PAS, UMNO, dan PKR kerana mereka merupakan parti politik utama Melayu di Selangor semasa tempoh kajian. Pengumpulan perspektif daripada informan daripada parti politik yang berbeza akan membolehkan pemahaman yang lebih menyeluruh dan bernuansa tentang landskap politik di Selangor. Selain itu, mempunyai informan daripada parti politik yang berbeza akan membolehkan penyelidik menangkap perspektif dan pengalaman yang berbeza tentang penguasaan politik Melayu di Selangor dari pelbagai sudut.

Sesi temubual dilakukan pada tarikh, masa dan tempat yang berbeza. Sesi temubual semi-berstruktur telah dipilih dalam menjalankan kajian ini demi mendapatkan pandangan yang terbaik dari pihak responden. Selain soalan mengenai tentang latar belakang tokoh, penglibatan politik tokoh berikut merupakan soalan yang dikemukakan kepada responden dalam mendapatkan pandangan mereka tentang faktor-faktor yang mempengaruhi dominasi politik Melayu di Negeri Selangor:

- a. Adakah Tan Sri/Dato' bersetuju bahawa politik di Selangor didominasi oleh Melayu? Sila terangkan.
- b. Bagi pendapat Tan Sri/Dato', apakah sebab utama berlakunya dominasi politik Melayu di Selangor?

- c. Bagaimana faktor parti itu sendiri boleh menyumbang kepada dominasi politik/ Sila terangkan.
- d. Apakah pendapat Tan Sri/Dato' mengenai faktor berkaitan hak Melayu yang menyumbang kepada dominasi politik Melayu di Selangor. Sila terangkan.
- e. Bagaimana pula dengan faktor sentimen agama Islam. Adakah agama menjadi salah satu faktor menyumbang kepada dominasi politik Melayu di Selangor? Sila jelaskan.
- f. Adakah terdapat faktor-faktor lain yang menyumbang kepada dominasi politik Melayu di Selangor? Jika ada, sila jelaskan.
- g. Sejauhmanakah wibawa tadbir urus dapat mempengaruhi dominasi politik Melayu di Selangor?

Selain itu dalam kajian ini, sorotan literatur turut dijalankan mengenai keputusan Pilihan Raya Umum yang ke-12, 13 dan 14 bagi melihat tren sokongan penduduk di negeri Selangor. Berdasarkan ringkasan keputusan kemenangan Pilihan Raya Umum yang ke-13, 14 dan 15 pada Jadual 2, terdapat banyak perubahan yang dapat dilihat.

Jadual 2: Keputusan Pilihan Raya Umum ke-12, 13 dan 14 Bagi Kawasan Parlimen dan DUN di Selangor.

DUN				MENANG					
Parlimen		Dewan Undangan Negeri		PRU12 (2008)		PRU13 (2013)		PRU14 (2018)	
P92	Sabak Bernam	P92	Sabak Bernam	BN	12,055	BN	16,387	BN	12,862
		N1	Sungai Air Tawar	BN	4,791	BN	7,096	BN	5,437
		N2	Sabak	BN	7,001	PAS	9,421	PKR	6,981
P93	Sungai Besar	P93	Sungai Besar	BN	16,069	BN	18,695	PH	17,350
		N3	Sungai Panjang	BN	11,181	BN	12,606	BN	10,530
		N4	Sekinchan	DAP	5,403	DAP	8,107	PKR	7,863
P94	Hulu Selangor	P94	Hulu Selangor	PKR	23,177	BN	37,403	PH	40,783
		N5	Hulu Bernam	BN	7,985	BN	10,397	BN	8,164
		N6	Kuala Kubu Baharu	BN	6,555	DAP	9,469	PKR	14,101
		N7	Batang Kali	BN	11,724	BN	21,189	PKR	21,536
P95	Tanjong Karang	P95	Tanjong Karang	BN	16,073	BN	20,548	BN	17,596
		N8	Sungai Burong	BN	8,872	BN	11,464	BN	8,741
		N9	Permatang	BN	6,975	BN	9,049	PKR	9,208
P96	Kuala Selangor	P96	Kuala Selangor	PAS	18,796	BN	27,500	PH	29,842
		N10	Bukit Melawati	PKR	4,471	BN	7,296	PKR	11,050
		N11	Ijok	PKR	7,196	PKR	8,522	PKR	8,914

		N12	Jeram	BN	8,209	BN	13,632	PKR	7,087
		P97	Selayang	PKR	30,701	PKR	52,287	PH	60,158
		N13	Kuang	BN	7,049	BN	11,027	PKR	9,845
		N14	Rawang	PKR	10,467	PKR	18,358	PKR	29,946
P97	Selayang	N15	Taman Templer	BN	14,600	PAS	24,667	PKR	18,362
		P98	Gombak	PKR	40,334	PKR	54,827	PH	75,113
		N16	Batu Caves	BN	11,015	PKR	14,552	PKR	17,446
		N17	Gombak Setia	PAS	14,391	PAS	20,757	PKR	24,157
P98	Gombak	N18	Hulu Kelang	PAS	15,404	PAS	21,310	PKR	25,746
		P99	Ampang	PKR	26,995	PKR	41,969	PH	54,307
		N19	Bukit Antarabangsa	PKR	11,731	PKR	16,502	PKR	30,892
P99	Ampang	N20	Lembah Jaya	PAS	15,182	PAS	25,185	PKR	22,512
		P100	Pandan	BN	25,236	PKR	48,183	PH	64,733
		N21	Pandan Indah	PAS	12,528	PAS	23,117	PKR	24,914
P100	Pandan	N22	Teratai	DAP	15,563	DAP	23,578	PKR	34,453
		P101	Hulu Langat	PAS	36,124	PAS	64,127	PH	49,004
		N23	Dusun Tua	BN	13,542	PKR	22,161	PKR	22,325
		N24	Semenyih	BN	11,588	BN	17,616	PKR	23,428
P101	Hulu Langat	N25	Kajang	PKR	13,220	PKR	19,571	PKR	39,055
		P102	Bangi	DAP	47,444	DAP	79,238	PH	102,557
		N26	Sungai Ramal	PAS	17,201	PAS	29,200	PKR	24,591
		N27	Balakong	DAP	13,335	DAP	25,126	PKR	41,768
P102	Bangi	N28	Seri Kembangan	DAP	15,841	DAP	27,406	PKR	34,659
		P103	Puchong	DAP	35,079	DAP	62,938	PH	60,429
		N29	Seri Serdang	BN	18,932	PAS	39,737	PKR	27,088
P103	Puchong	N30	Kinrara	DAP	12,990	DAP	22,333	PKR	52,207
		P104	Kelana Jaya	PKR	30,298	PKR	56,790	PH	104,430
		N31	Subang Jaya	DAP	23,459	DAP	40,366	PKR	55,354
P104	Kelana Jaya	N32	Seri Setia	PKR	13,838	PKR	18,692	PKR	29,250
		P105	Petaling Jaya Selatan	PKR	28,598	PKR	41,062	PH	78,984
		N33	Taman Medan	PKR	16,803	PKR	20,478	PKR	21,712
P105	Petaling Jaya Selatan	N34	Bukit Gasing	DAP	15,735	DAP	21,168	PKR	29,366
		P106	Damansara	DAP	37,851	DAP	54,407	PH	121,283
		N35	Kampung Tunku	DAP	14,633	DAP	19,762	PKR	34,477
P106	Petaling Jaya Utara	N36	Damansara Utama	DAP	24,881	DAP	37,303	PKR	38,651
P107	Sungai	P107	Sungai Buloh	PKR	35,024	PKR	66,268	PH	43,631

	Buloh	N37	Bukit Lanjan	PKR	12,125	PKR	25,808	PKR	47,748
		N38	Paya Jaras	BN	11,521	PAS	21,808	PKR	20,376
		N39	Kota Damansara	PKR	11,846	BN	16,387	PKR	36,440
P108	Shah Alam	P108	Shah Alam	PAS	33,356	PAS	49,009	PH	55,949
		N40	Kota Anggerik	PKR	15,738	PKR	26,261	PKR	26,947
		N41	Batu Tiga	PKR	15,852	PKR	21,284	PKR	27,638
P109	Kapar	P109	Kapar	PKR	48,196	PKR	69,849	PH	47,731
		N42	Meru	PAS	14,826	PAS	22,086	PKR	17,665
		N43	Sementa	BN	MTB	PKR	21,520	PKR	17,867
		N44	Selat Klang	DAP	12,856	DAP	17,364	PKR	12,266
		N45	Bandar baru Klang	PAS	11,437	PAS	17,805	PKR	44,926
P110	Klang	P110	Klang	DAP	37,990	DAP	53,719	PH	98,279
		N46	Pelabuhan Klang	PKR	12,397	PKR	18,591	PKR	15,837
		N47	Pandamaran	DAP	12,547	DAP	16,311	PKR	41,552
		N48	Sentosa	DAP	12,699	DAP	18,971	PKR	38,106
P111	Kota Raja	P111	Kota Raja	PAS	38,630	PAS	59,106	PH	90,697
		N49	Sungai Kandis	PKR	20,258	PKR	31,491	PKR	23,998
		N50	Kota Kemuning	PKR	15,962	PKR	27,488	PKR	28,617
P112	Kuala Langat	P112	Kuala Langat	PKR	26,687	PKR	40,983	PH	43,239
		N51	Sijangkang	PAS	10,049	PAS	14,838	PAS	12,688
		N52	Banting	DAP	7,524	DAP	13,155	PKR	21,846
		N53	Morib	BN	10,116	PAS	15,016	PKR	11,000
P113	Sepang	P133	Sepang	BN	26,381	PAS	36,774	PH	46,740
		N54	Tanjong Sepat	BN	8,297	PAS	10,129	PKR	9,828
		N55	Dengkil	BN	11,838	BN	17,801	PKR	21,172
		N56	Sungai Pelek	BN	7,053	DAP	10,997	PKR	13,484

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2004, 2013, 2018

3. Dapatan Kajian

Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, dominasi Politik Melayu di Selangor berlaku atas beberapa faktor jangka panjang dan jangka pendek. Faktor jangka masa panjang adalah seperti pendidikan, sosioekonomi, budaya dan kepimpinan manakala faktor jangka masa pendek adalah janji semasa kempen pilihanraya. Faktor seperti pendidikan dan taraf sosioekonomi merupakan antara faktor penting menyumbang kepada dominasi politik di negeri ini. Penguasaan politik Melayu di Selangor telah dipengaruhi oleh pelbagai faktor jangka panjang, termasuk budaya dan status sosioekonomi. Salah satu faktor utama yang menyumbang kepada penguasaan politik Melayu secara umumnya ialah kelemahan relatif

yang dihadapi oleh masyarakat Melayu dari segi pendidikan dan sumber ekonomi. Mengikut sejarah, orang Melayu di Selangor mempunyai tahap pendidikan yang lebih rendah dan taraf sosioekonomi yang lebih rendah berbanding etnik lain di negeri itu sendiri. Ini telah menyumbang kepada rasa terpinggir dan keinginan untuk perwakilan politik yang boleh menangani isu-isu ini (Anwar Abdullah, 2004).

Selain itu, konteks budaya dan sejarah masyarakat Melayu di Selangor turut memainkan peranan dalam membentuk sikap dan tingkah laku politik mereka. Sebagai contoh, tradisi adat (undang-undang adat) dan peranan sultan sebagai tokoh budaya dan politik telah mempengaruhi cara orang Melayu di Selangor melihat perwakilan politik dan kepimpinan. Faktor-faktor jangka panjang ini telah menyumbang kepada keadaan di mana parti-parti politik berasaskan Melayu, seperti UMNO dan PKR, telah dapat mewujudkan kedudukan dominan dalam politik Selangor. Parti-parti tersebut telah dapat memanfaatkan aspirasi dan kebimbangan masyarakat Melayu, menampilkan diri mereka sebagai wakil kepentingan dan budaya Melayu. Selain itu, strategi pembinaan gabungan parti telah membolehkan mereka menyatukan kuasa politik mereka dan mengekalkan penguasaan mereka dari semasa ke semasa.

Walau bagaimanapun, adalah penting untuk diperhatikan bahawa landskap politik di Selangor adalah kompleks dan pelbagai rupa, dan penguasaan politik Melayu bukanlah satu fenomena yang mudah atau statik. Terdapat banyak faktor lain yang bermain, termasuk kesan globalisasi, urbanisasi, dan perubahan sikap terhadap etnik dan identiti. Penyelidikan masa depan boleh membantu menjelaskan lebih banyak faktor ini dan kesannya terhadap landskap politik di Selangor. Tokoh yang ditemubual ditanya mengenai faktor adakah sentimen agama menjadi isu di Selangor atau tidak serta membawa kepada perubahan politik Selangor secara khusus. Dapatan kajian menunjukkan DAP yang tidak pernah memerintah mana-mana negeri sebelum 2008 walaupun di Pulau Pinang di mana majoriti penduduk berbangsa Cina. Jadi isu sentimen agama tidak menjadi faktor penting. Berikut merupakan faktor-faktor utama dalam mempengaruhi dominasi politik Melayu di negeri Selangor:

A. Faktor Pendidikan

